

26/07/2005

Mahathir-Pengakap

DR MAHATHIR TANDATANGAN DEKLARASI KEAMANAN DAN KEMANUSIAAN

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini menandatangani "Deklarasi Keamanan dan Kemanusiaan" yang akan dibawa dalam satu ekspedisi berkereta ke Asia Barat oleh pasukan dari Pertubuhan Pengakap Kelana Kanan Seri Angkasa (KSA), Bedong, Kedah.

Seramai 25 anggota KSA diketuai presidennya Drs Nazri Romli akan melakukan pengembaraan yang dinamakan "Delegasi Ekspedisi Keamanan dan Kemanusiaan ke Timur Tengah" itu, yang akan menjelajah beberapa negara, termasuk Thailand, China, Nepal, India, Iran, Turki, Jordan dan Arab Saudi.

Dr Mahathir, yang juga Penasihat Kehormat ekspedisi berkenaan, hari ini mengadakan pertemuan dengan beberapa peserta, di pejabatnya di Menara Berkembar Petronas di sini.

Setiausaha delegasi, Muhamad Hamizan Abdul Manap, berkata ekspedisi yang menggunakan sebuah kenderaan pacuan empat roda, sebuah van dan tiga buah kereta itu akan bermula pada 1 Ogos ini di Wisma Seri Angkasa, Taman Sungai Lalang, Bedong, Kedah.

"Kami merancang untuk pergi ke 14 negara dan meminta wakil negara-negara berkenaan menandatangani deklarasi itu," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Katanya selain mendapatkan tandatangan daripada wakil negara-negara berkenaan, delegasi itu juga akan mengadakan pertemuan dengan pasukan pengakap di negara yang dilawati.

Muhamad Hamizan berkata pasukan itu bercadang menyerahkan deklarasi itu kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) kelak.

Antara lain, deklarasi itu menyeru para pemimpin dunia dan PBB supaya menggunakan kuasa yang ada untuk membentuk dasar-dasar yang mementingkan soal-soal keamanan dan kemanusiaan sejagat.

-- BERNAMA

MUN AKT KHY